



SIRI 14/2020

RM21 JUTA BANTUAN *ONE-OFF* KEPADA TAHFIZ SWASTA, PONDOK, SEKOLAH AGAMA RAKYAT DAN SEKOLAH AGAMA SWASTA YANG BERDAFTAR DENGAN PIHAK BERWAJIB DI SELURUH NEGARA

1. Wabak COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga kini memberi kesan sedikit sebanyak kepada para guru di Institusi Pendidikan Islam yang terjejas terutamanya dari sudut pengurusan operasi dan sara diri.
2. Prihatin dengan hal ini, saya mengumumkan RM21 juta bantuan *one-off* kepada Tahfiz Swasta, Pondok, Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Swasta yang berdaftar dengan pihak berwajib di seluruh negara. Bantuan *one-off* tersebut adalah dalam bentuk:
 - a. Bantuan sara hidup kepada guru-guru dengan kadar RM800 seorang yang akan memberi manfaat kepada 22, 920 orang guru; dan
 - b. Bantuan pengurusan operasi bertujuan membiayai kos pengurusan, utiliti, sewaan dan lain-lain perbelanjaan operasi kepada 2,119 buah institusi pendidikan di seluruh negara
3. Bantuan *one-off* ini adalah daripada peruntukan RM100 juta yang telah disediakan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah Bajet 2020 bertujuan membiayai penyelenggaraan dan naiktaraf institusi tahfiz, pondok dan sekolah agama berdaftar. Penghargaan ditujukan kepada YB Senator Tengku Dato Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia atas kelulusan bagi peruntukan berkenaan untuk tujuan tersebut.
4. Besarlah harapan saya agar bantuan ini dapat meringankan beban warga Institusi Pendidikan Islam yang terjejas akibat PKP. Sekian, terima kasih.

YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

2 APRIL 2020 BERSAMAAN 8 SYAABAN 1441H